



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM KOMITED DALAM MELAKSANAKAN TAHUN MEMPERKASA WANITA (TMW) 2018

PUTRAJAYA, 9 JANUARI 2018- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama-sama dengan jabatan dan agensi akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan kepada setiap kumpulan sasaran bagi memastikan setiap daripada mereka dapat bersaing dalam dunia global ini.

KPWKM yakin langkah-langkah strategik yang telah disusun atur sepanjang 2018 akan berupaya mengekalkan momentum kejayaan yang telah dicapai dan kejayaan ini akan diteruskan bagi tahun ini. Pelbagai kejayaan yang telah dilakarkan pada tahun 2017 antaranya penganjuran *Winnovation* bersempena Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017 yang bertemakan ***Be Bold for Change-Trying to find ways to make a more gender-inclusive world***. Perlaksanaan Bulan Kebajikan Negara (BKN) 2017 yang merupakan inisiatif kementerian telah diadakan secara besar-besaran yang merupakan gabungan bagi sambutan meraikan empat golongan sasaran.

Selain itu, Malaysia merupakan negara pertama Asia Pasifik dilantik sebagai Presiden kepada ***Management of Social Transformation Programme*** (MOST) melalui YB Dato Sri Rohani, sekaligus Malaysia dilantik semula sebagai ahli kepada ***Intergovernmental Council*** (IGC) MOST bagi fasa 2017-2021. Ini merupakan antara pencapaian diperingkat global.

YB Dato' Seri Rohani dalam ucapan perasmiaannya bagi Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM berkata "Pelbagai kejayaan yang telah dikecapi oleh kita, bukan sahaja diperingkat nasional bahkan juga diperingkat antarabangsa. Agensi dibawah kementerian juga telah melakar kejayaan pada tahun lepas, bagi kategori Organisasi Keluarga 2017 daripada Persekutuan Pembangunan Keluarga Antarabangsa yang mana merupakan pengiktiran kepada peranan dan kejayaan KPWKM dan LPPKN dalam membina keluarga sejahtera. Selain itu, sebanyak 1413 aspirasi telah berjaya dikumpul melalui 10 siri penganjuran bagi Program Dialog TN50 yang telah diadakan oleh pihak ISM".

Tahun 2018 telah diumumkan sebagai Tahun Memperkasakan Wanita (TMW) oleh YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2018 yang lalu, bagi merealisasikan hasrat tersebut **dianggarkan sebanyak 345 program terkumpul sepanjang tahun 2018 yang telah direkodkan oleh KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dalam usaha memperkasakan wanita diperingkat global.**

Permerkasakan wanita akan memberi penekanan kepada lima kluster selaras dengan Dasar Wanita Negara iaitu Kluster Wanita dan Kesihatan, Kluster Wanita dan Keselamatan, Kluster Wanita dan Ekonomi, Kluster Wanita dan Pendidikan dan juga Kluster Wanita dan Kebudayaan. Kementerian amat komited bagi memastikan wanita diberi pendedahan, maklumat, pengetahuan dan peluang dalam menjana diri dan berdaya saing bagi mendepani cabaran Revolusi 4.0 bagi memastikan tiada wanita yang akan ketinggalan.

“Saya menyeru semua warga KPWKM mengambil peduli dan memberikan sokongan penuh bagi pelaksanaan TMW 2018 seterusnya menjadi ejen bagi mempromosikan TMW 2018 agar ianya melekat di hati masyarakat dan bergema di seluruh pelosok Negara”, kata Rohani semasa ucapannya.

Turut sama memeriahkan majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM ini adalah YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg.Dato’ Suriani Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Encik Azman Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBrs. Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM, Ketua-ketua Pengarah daripada jabatan dan agensi serta semua warga kementerian.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my